

**KAJIAN TERHADAP PELAKSANAAN BIMBINGAN AGAMA  
ISLAM DI PUSAT AKTIVITI SAUDARA BARU CHINA MUSLIM  
(MACMA) NEGERI JOHOR**

**A STUDY ON THE IMPLEMENTATION OF ISLAMIC RELIGIOUS  
GUIDANCE AT THE MALAYSIA CHINESE MUSLIM ASSOCIATION  
(MACMA) JOHOR STATE**

**Siti Marpuah (Corresponding Author)**

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
marpuah@uthm.edu.my

**Arwansyah Kirin, Intan Farhana Saparudin,**

**Shah Rul Anuar Nordin, Shakila Ahmad, Zulfana Lidinillah**  
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

***Abstract***

*Mualaf as individuals who are new to Islam should learn a lot about Islam so that they can understand and practice the teachings of Islam as well as possible. This study was conducted to find out the implementation of Islamic religious guidance among new mualafs or Chinese converts. The study also aims to find out what is the curriculum used as a guide in the guidance of Islam. The design of this study was qualitative by using interview approach, field study and document analysis to obtain more detailed information about the study. The results of the study found that the Islamic religious guidance implemented at MACMA is three (3) times a week, by studying the subjects of faith, sharia, morality, Iqra and al-Quran as well as other religious activities. While the curriculum used as a reference for Islamic religious guidance at MACMA is to use the curriculum provided by the Johor Islamic Religious Department.*

**Keywords:** Implementation; Islamic Religious Guidance; Macma

***Abstrak***

Mualaf sebagai individu yang baru mengenali Islam harus banyak belajar tentang agama Islam supaya mereka dapat memahami dan mengamalkan ajaran Islam dengan sebaik mungkin. Kajian dijalankan untuk melihat pelaksanaan bimbingan agama Islam dalam kalangan saudara baru atau mualaf bangsa China. Kajian juga bertujuan mengetahui apakah kurikulum yang dijadikan panduan dalam bimbingan agama Islam ini. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif dengan menggunakan pendekatan temu bual, kajian lapangan dan

analisis dokumen untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai kajian. Hasil kajian mendapati bahawa bimbingan agama Islam yang dilaksanakan di MACMA adalah sebanyak tiga (3) kali dalam satu minggu, dengan mempelajari subjek akidah, syariah, akhlak, Iqra dan al-Quran serta aktiviti agama yang lain. Sedangkan kurikulum yang dijadikan rujukan untuk bimbingan agama Islam di MACMA adalah menggunakan kurikulum yang telah disediakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

**Kata Kunci:** Pelaksanaan; Bimbingan Agama Islam; Macma

## PENDAHULUAN

Sebelum berbincang lebih lanjut berkaitan dengan mualaf dari golongan Bangsa China, penting bagi kita mengetahui siapakah sebenarnya mualaf. Secara bahasa mualaf diertikan sebagai individu yang hatinya dilembutkan atau dipujuk. Selain itu, mualaf juga diertikan sebagai seseorang yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau mereka yang baru memeluk Islam dan belum kukuh Islamnya. Menurut Kaman (2004), orang kafir juga dianggap sebagai mualaf dikarenakan dua (2) alasan, iaitu mengharap kebaikan atau menghindarkan keburukan. Kerana alasan ini, Nabi pernah memberikan sejumlah harta kepada mereka ketika keadaan umat Islam lemah. Pada dasarnya mualaf dibahagikan kepada dua (2) kategori, iaitu muslim dan non-muslim. Kategori muslim pula ada empat bahagian iaitu:

- a. Orang yang sudah masuk Islam tetapi mereka mempunyai beberapa kawan atau pengikut orang non-muslim dan diharapkan mereka bersedia untuk memeluk Islam. Mereka juga perlu diberikan zakat untuk memujuk kawan-kawan serta pengikutnya memeluk agama Islam.
- b. Individu yang menjadi pemimpin suatu kaum yang ditaati dan

dihormati dalam segala hal. Jika mereka diberikan zakat, kebarangkalian iman mereka akan menjadi teguh, lalu mereka bersedia membantu kaum muslim yang lain dalam urusan perang dan urusan yang lainnya.

- c. Terdapat beberapa golongan muslim yang tinggal di pelosok negeri kekuasaan Islam seperti Sabah dan Sarawak. Jika diberikan zakat, mereka akan tertarik dengan membantu kaum muslim untuk mengalahkan musuh.
- d. Kumpulan muslim yang diberi zakat, mereka akan mengumpulkan zakat dari orang-orang yang hendak mengeluarkan zakat kerana takut kepada mereka, bahkan mereka juga bersedia untuk memerangi kaum muslim yang keras kepala yang tidak membayar zakat.

Kategori orang non muslim pula dibahagikan menjadi dua (2) kumpulan, iaitu:

- 1) Orang non-muslim yang diharapkan untuk masuk Islam. Jika mereka diberikan zakat mungkin keyakinan mereka lebih yakin untuk memeluk agama Islam. Dan ini pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW kepada Shofwan bin Ummayah pada perang Hunain. Beliau memberikan

beberapa ekor unta pengangkut kepada beliau untuk memujuk supaya memeluk Islam tetapi beliau berkeras untuk tetap kafir. Tetapi setelah perang Hunain, beliau pun terbuka hati untuk memeluk agama Islam dan menjadikan Rasulullah sebagai sosok yang paling disayangi oleh beliau.

- 2) Orang-orang non muslim atau kafir yang melakukan kejahatan atau kekacauan sehingga mendatangkan tidak keselesaan kepada orang muslim. Jika mereka diberikan zakat berkemungkinan mereka akan berhenti melakukan perkara-perkara yang tidak selesa atau membuat rimas kepada kaum muslim.

Di Malaysia pengiktirafan mualaf diatur dalam enakmen 16 tahun 2003 enakmen pentadbiran agama Islam (Negeri Johor) 2003 Bahagian ix (memeluk agama Islam) Fasal 113 tentang pengiktirafan muallaf sebagai orang Islam iaitu:

- a. Seseorang yang telah memeluk agama Islam dan pemelukan agama Islam itu telah didaftarkan dalam Daftar Muallaf hendaklah, bagi maksud mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri, dan selama-lamanya diperlakukan sebagai orang Islam.
- b. Seseorang yang pemelukan agama Islam olehnya telah didaftarkan di bawah undang-undang mana-mana Negeri hendaklah, bagi semua maksud di Negeri Johor, dan bagi maksud penguatkuasaan peruntukan mana-mana undang-undang di Negeri Johor, diperlakukan sebagai orang Islam.

Pengiktirafan mualaf dalam setiap negeri yang ada di Malaysia adalah berbeza, di Negeri Johor pengiktirafan

mualaf adalah selama 10 tahun, ini berdasarkan seseorang akan masuk baligh dalam usia 10 tahun, sehingga apabila mualaf sudah menganuti Islam selama 10 tahun bererti mereka sudah banyak mengenali, memahami dan mengamalkan Islam dengan sempurna.

Mualaf yang terdapat di Malaysia juga terdiri daripada pelbagai suku kaum dan bangsa, selain bangsa India, Kaum Sabah dan Sarawak, ramai juga Bangsa China yang hatinya telah dilembutkan untuk menganut Islam. Pada tahun 2012 jumlah mualaf daripada Bangsa China adalah seramai 42,048, jumlah ini bertambah setiap tahun, diperkirakan pada tahun 2021 ini lebih dari 50,000 bangsa China yang ada di Malaysia telah menganut Islam. Menurut Raudlotul Firdaus (2019), China Muslim di Malaysia dibahagikan kepada empat kategori iaitu:

- China Muslim berasal dari China
- China Muslim yang lahir Islam di Malaysia daripada keluarga China Muslim berasal dari China.
- China tempatan yang memeluk Islam.
- China Muslim generasi kedua sama ada ibu atau ayah atau kedua-duanya memeluk Islam.

China Muslim kategori 1 dan 2 mempunyai perbezaan dari sudut budaya dan tradisi manakala kategori 3 dan 4 adalah kerana mereka mempunyai latar belakang keluarga dan pengamalan berbeza. China Muslim berasal dari China dan generasi seterusnya menerima Islam sejak 10 generasi lalu. Islam bertapak di China sejak abad ke-7 lagi hasil penyebaran Islam daripada pendakwah dan pedagang Arab yang datang ke China. Hasil perkahwinan antara orang Islam Arab dengan wanita

China melahirkan generasi China Muslim yang baru dikenali sebagai Hui. Kategori 3 juga dikenali sebagai mualaf atau saudara baru. Mereka banyak mempengaruhi pandangan Islam sebagai agama sejagat. Mereka datang daripada keluarga bukan Islam dan pernah hidup sebagai bukan Islam seperti China tempatan lain. Hasil perkahwinan kategori 3 itu akan menghasilkan anak generasi baru yang tergolong dalam kategori 4.

China Muslim dari China datang ke Tanah Melayu seawal abad ke-15 bersama pelayaran Laksamana Cheng Ho yang beberapa kali singgah di Melaka. Di Kuala Terengganu, terdapat sekumpulan komuniti Hui Hui atau dikenali sebagai Orang Yunnan. Mereka adalah China Muslim berasal dari Guangzhou, China sejak akhir 1800-an atau awal 1900-an dan berkomunikasi dengan ahli keluarga yang menggunakan bahasa Kantonis. Menurut kajian yang dilaporkan oleh Tan Chee Beng (1991), mereka tidak merayakan Tahun Baru China dan berasimilasi dengan masyarakat Melayu Muslim tempatan. Pak Haji Yusof atau namanya dalam bahasa China Zhang Zhaoyun dilahirkan di Kuala Terengganu pada 1908. Beliau boleh bertutur dan membaca dalam bahasa China.

Satu lagi keluarga China Muslim yang datang dari utara China iaitu Shandong, Hebei dan Tianjin tiba ke Sabah pada 1913 yang dibawa oleh North Borneo Chartered Company. Mereka terdiri daripada 108 keluarga dengan lima daripadanya adalah China Muslim. Sehingga kini, mereka sudah memasuki generasi kelima berada di Sabah iaitu di Shantung, Penampang dan Kimanis. Walaupun generasi baru berkahwin

dengan pribumi tempatan, tetapi mereka masih mengekalkan budaya, makanan dan bertutur bahasa Mandarin.

Generasi China Muslim terbaru daripada kategori 4 sama ada hasil perkahwinan campur atau tidak akan mempamerkan ciri-ciri masyarakat Malaysia majmuk dan dinamik. Mereka mempunyai pergaulan lebih luas dengan wujudnya integrasi dan interaksi dengan dua atau lebih kaum. Hasil interaksi dan pemahaman dalam kepelbagaiannya bahasa dan budaya, mereka menjadi generasi Malaysia yang unik. China Muslim memiliki jati diri sebagai seorang Islam tanpa mengabaikan budaya dan tradisinya (Fariza Md. Sham, 2008).

Untuk memudahkan mualaf China mempelajari agama Islam, maka ditubuhkannya Persatuan China Muslim Malaysia atau *Malaysia Chinese Muslim Association* (MACMA), merupakan sebuah persatuan yang menyokong mualaf China dan sangat terkenal di Malaysia. Macma termasuk salah satu pertubuhan yang tertua di Malaysia dan ditubuhkan secara rasmi pada 8 September 1994, bertujuan untuk membantu memenuhi keperluan masyarakat Muslim China supaya menggerakkan usaha dakwah dengan lebih berkesan dan tertumpu kepada orang China dan berbilang kaum di negara ini. Disamping itu, tujuan utama penubuhan persatuan ini adalah menjadi pertubuhan dakwah China Muslim yang memfokuskan kepada kaum China di Malaysia (Abdul Aziz Ismail, 1995)

Penubuhan MACMA di sepenuhnya diterima oleh rakyat Malaysia dan organisasi ini lebih memperluas cawangan diseluruh negeri. Ia bermula dengan kegiatan dakwah di

sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor serta sambutan dan keperluan yang menggalakkan daripada ahli-ahli yang tinggal di negeri lain, MACMA sehingga kini telah 126erjaya menubuhkan 19 cawangan-cawangan negeri dan daerah seperti berikut:

Jadual 1: Cawangan MACMA di Malaysia

Bil	Cawangan	Tahun Penubuhan
1.	MACMA Sarawak	1995
2.	MACMA Johor	1996
3.	MACMA Kelantan	1996
4.	MACMA WP KL	2000
5.	MACMA Selangor	2000
6.	MACMA Perak	2000
7.	MACMA Pahang	2001
8.	MACMA Melaka	2002
9.	MACMA Kedah/Perlis	2005
10.	MACMA Sabah	2006
11.	MACMA Ipoh	2007
12.	MACMA Labuan	2007
13.	MACMA Terengganu	2007
14.	MACMA Kulim	2009
15.	MACMA Bintulu	2010
16.	MACMA Pulau Pinang	2010
17.	MACMA Negeri Sembilan	2011
18.	MACMA Muar	2015
19.	MACMA Batu Pahat	2019
20.	MACMA Pontian/Kluang	2019

MACMA Johor Bharu ditubuhkan pada Disember 1996 oleh Tuan Haji Johari Chang. Manakala PERKIM pula

ditubuhkan pada tahun 1960 selepas kemerdekaan Malaysia. Beliau mendapat ilham di bukit Arafah ketika umrah. Pada tahun 2021 ini terdapat sekitar 800-900 orang yang memeluk Islam dan diantaranya terdapat 300 orang dari golongan orang China. Jumlah mualaf yang dibawah MACMA Negeti Johor adalah seramai 450 orang. Manakala mualaf seluruh Malaysia diperkirakan sebanyak 3000 sehingga 4000 orang.

Mereka juga dapat memfokuskan kepada usaha-usaha dakwah para pendakwah terhadap kaum-kaum lain seperti India. Pertubuhan ini sangat membantu mualaf yang baru memeluk Islam, kerana organisasi ini membantu mualaf-mualaf untuk mengenali Islam dengan lebih dalam seperti mengadakan kelas fardhu ain, ceramah dari pendakwah-pendakwah dan kelas bimbingan lanjutan yang mengajari pelbagai bahasa terutamanya dalam bahasa China dan Melayu. Pertubuhan ini ditubuhkan oleh orang golongan China Muslim yang ada di Malaysia (Asmawati Suhid, 2019).

Penubuhan Macma juga bertujuan untuk mempromosikan atau menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat Cina juga bertujuan untuk memberikan bantuan dan perkhidmatan dari pelbagai aspek kepada anggota seperti kelas fardhu ain dan kelas bimbingan lanjutan dalam pelbagai bahasa terutamanya dalam bahasa Cina, menjaga kebijakan dan kesejahteraan anggota, memberi kaunseling dan sokongan. akhlak, memberi peluang untuk pendidikan lanjutan seumur hidup, meningkatkan status sosio-ekonomi dan memupuk semangat kesukarelaan di kalangan anggota untuk melahirkan

sekumpulan Muslim Cina yang saleh untuk menjadi "*Khairul Ummah*" seperti yang dituntut dari kitab suci al-Quran. Macma juga berperanan sebagai jurucakap kaum Muslimin Cina di Malaysia dan juga sebagai jambatan untuk membina perpaduan melalui kepelbagaian kaum dan kepercayaan terhadap keunikan masyarakat majmuk di Malaysia terutamanya kepada masyarakat Cina yang bukan Islam.

Untuk mewujudkan objektif tersebut, maka pihak Macma telah mengadakan kelas-kelas bimbingan agama Islam untuk mualaf dari bangsa China. Selain itu aktiviti agama Islam yang lain seperti ceramah, ziarah, berbuka puasa bersama dan sebagainya juga diadakan. Ini sangat penting bagi memberi sokongan kepada mualaf supaya lebih kukuh dalam menganut Islam.

Menurut Siti Adibah dan Siti Zubaidah (2018) menyatakan bahwa saudara baharu atau mualaf yang berada di Malaysia perlu diberikan perhatian dan bimbingan khususnya dalam membentuk keperibadian untuk menuju kebenaran Islam di samping mendalami ilmu agama Islam. Dengan maksud lain, mereka haruslah diberikan pendidikan dan menyediakan pelbagai program yang dianjurkan oleh badan-badan dakwah untuk membentuk kefahaman Islam dalam diri pada setiap individu. Badan kerajaan Malaysia yang menguruskan hal ehwal mualaf di peringkat negeri adalah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Kedua agensi ini dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hal ehwal saudara baharu iaitu pendaftaran mualaf, menyediakan bantuan kewangan dan

kebijakan melalui peruntukan zakat dan menganjurkan kelas pendidikan

Selain itu Azmi Mat Sahi dan Maimunah Ismail (2003) menerangkan bahawa pada peringkat permulaan, golongan mualaf memerlukan pengajaran yang kondusif yang melibatkan pengetahuan yang senang untuk diterima, pembelajaran yang senang untuk difahami serta amalan yang senang diperaktikkan berdasarkan pembelajaran yang dilalui. Maka pembelajaran yang diterima perlulah memberi kemudahan kefahaman kepada mualaf seterusnya mengukuhkan pegangan hidup golongan muallaf dalam menghayati nilai-nilai Islami dalam kehidupan sehari-hari sepajang hayat. Kelas bimbingan agama Islam merupakan medium utama bagi muallaf untuk meningkatkan pengetahuan agama Islam.

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui bagaimanakah pelaksanaan bimbingan agama Islam untuk mualaf bangsa China yang dilaksanakan oleh Macma. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat apakah kurikulum yang dijadikan sebagai rujukan dalam pelaksanaan bimbingan agama Islam ini.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah temubual yang disokong dengan kaedah pemerhatian dan pengumpulan dokumen untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai permasalahan kajian. Kajian ini melibatkan 8 orang peserta kajian yang akan ditemu bual, yang terdiri daripada 2 orang guru bimbingan pendidikan Islam dan 6 orang muallaf. Persampelan.

Kaedah persampelan yang digunakan di dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan (purposive sampling). Persampelan jenis ini dipilih kerana fokus kajian adalah kepada Saudara Baru yang baru masuk Islam serta guru yang mengajar Bimbingan Agama Islam.

Chua (2006) menyebut persampelan bertujuan merujuk kepada prosedur persampelan yang melibatkan sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang dipilih sebagai peserta kajian. Dalam kajian ini peserta yang dipilih merupakan guru yang mengajar muallaf serta beberapa orang saudara baru di Negeri Johor. Lokasi kajian adalah di Pusat Aktiviti Saudara Baru (MACMA) seluruh Negeri Johor. Penganalisisan data kualitatif melibatkan tiga proses iaitu pensampelan, pengumpulan dan penganalisisan data. Ketiga-tiga proses ini berlaku secara linear namun sentiasa bertindan serta berselang seli antara satu proses dengan proses yang lain. Proses penganalisisan dan pengumpulan data ini juga boleh dijalankan secara berterusan dan selari bagi membolehkan pengkaji menguruskan data secara sistematik (Bogdan dan Biklen 2003; Miles dan Huberman 1994).

Manakala Merriam (2008) menyatakan bahawa teknik penganalisisan data dalam kajian kualitatif perlu dilakukan seiring dengan pengumpulan data. Penganalisisan data secara berterusan juga bertujuan untuk melancarkan proses pengumpulan data, dan seterusnya membantu proses penganalisisan data (Zanaton 2011). Menurut Jasmi K.A., (2012) keadaan temu bual dilakukan melalui percakapan secara berhadapan dengan individu (*face to*

*face*) untuk mendapatkan sebuah maklumat secara langsung. Ia juga merupakan sebuah kaedah untuk mengumpulkan maklumat-maklumat yang penting dalam kajian tinjauan yang akan dilakukan secara lisan (perbualan) dan jawapan akan direkod oleh penulis secara bertulis dan melalui rakaman rakaman kaset, video dan media elektronik yang lain.

## HASIL DAN PEMBAHASAN

Ketika seorang mualaf memasuki Islam, mereka tidak mempunyai asas tentang agama Islam. Macma sebagai satu pertubuhan Muslim untuk bangsa China yang ada di Malaysia berusaha membantu mualaf ini dengan mengadakan kelas bimbingan agama Islam.

### Pelaksanaan Bimbingan Agama Islam dan Kurikulum di MACMA

Kelas bimbingan agama Islam yang dilaksanakan di Macma adalah seminggu tiga (3) kali. Biasanya masa adalah pada malam hari, ini kerana sebahagian besar mualaf bekerja pada siang hari, sehingga masa yang sesuai untuk pelaksanaan kelas bimbingan Islam ini adalah malam hari. Berikut adalah jadual kelas bimbingan agama Islam di Macma.

Jadual 2 : Pelaksanaan Kelas Bimbingan Agama Islam Macma

Bil	Hari	Masa	Kelas/subjek
1.	Jumaat	08.00 – 09.00 PM 09.00 – 10.00 PM	Akidah Iqra'/ al- Quran

2.	Sabtu	08.00 – 09.00 PM 09.00 – 10.00 PM	Syariah Iqra'/ al-Quran
3.	Ahad	08.00 – 09.00 PM 09.00 – 10.00 PM	Akhlas Iqra'/ al-Quran

Merujuk kepada Jadual 2 di atas, dapat difahami bahawa pelaksanaan bimbingan agama Islam untuk mualaf ini di mulai dengan pembelajaran Akidah. Ustaz/ustazah akan mengajarkan dan menunjukkan asas-asas akidah Islam serta apa yang perlu mereka lakukan ketika memeluk Islam. Mereka juga mengajarkan kepada para mualaf tentang maksud akidah, iman dan Islam. Selain itu ustaz/ustazah juga mengadakan ceramah tentang akidah yang menjadi dasar atau asas bagi setiap muslim supaya mualaf tersebut lebih memahami dan mendalami tentang akidah.

Dalam buku Modul Bimbingan Saudara Kita, mempelajari akidah ini hal yang sangat penting ketika memeluk Islam kerana ia merupakan ilmu yang menjadi asas pengukur bagi menentukan status individu itu sebagai seorang muslim. Akidah Islamiah merupakan ilmu yang mengajar manusia mengenal Allah SWT sebagai Maha Pencipta sekalian alam dan boleh menjadi benteng bagi memelihara individu muslim daripada segala kekeliruan, kesesatan dan penyelewengan. Merujuk kepada sirah menyebarkan dakwah yang dilakukan oleh para Rasul, jelas sekali bahawa asas

keimanan yang telah disampaikan adalah di antara sebab mengapa ilmu ini mesti dipelajari dan diberi keutamaan oleh semua umat manusia terutamanya golongan mualaf.

Akidah juga menjadi asas terhadap sesuatu amalan yang dilaksanakan, ini disebabkan sesuatu amalan itu tidak akan diterima oleh Allah SWT kecuali amalan itu dilakukan den orang Islam yang berlandaskan Akidah Islamiah sebenar. Dari kesimpulan ini, akidah Islamiah merupakan ilmu yang sangat penting untuk dipelajaran kerana semua amal pekerjaan yang dilakukan hak akan diterima oleh Allah S.W.T. melainkan amalan yang dilaksanakan oleh orang yang mempunyai Akidah Islamiah yang sebenar.

Objektif mempelajari ilmu akidah untuk mengenali Allah SWT sebagai pencipta makhluk-makhluk dan sekalian alam in. Ia juga merupakan naluri sebagai umat manusia yang mencari dan haruslah memiliki satu pegangan akidah yang benar. Ini dapat membezakan jika kita berpegang pada akidah yang betul atau yang salah. Disamping itu, ilmu akidah bukan sahaja menjadi asas dalam ajaran Islam akan tetapi ia juga merupakan suatu perkara yang terpenting dalam kehidupan manusia sehari-hari. Ini disebabkan manusia yang hidup di dunia tanpa akidah adalah termasuk dalam golongan jahil yang boleh diumpamakan seperti seorang buta yang tidak mengetahui keadaan, bentuk dan rupa paras diri mereka sendiri.

Dalam pembelajaran akidah ini, mualaf juga diajarkan mengenai pembahagian akidah yang terbahagi menjadi dua iaitu Rukun Iman dan Rukun Islam serta penjelasannya. Jadual berikut

menunjukkan pembahagian Rukun Islam dan Rukun Iman.

Jadual 3 : Rukun Islam

Bil	Rukun Islam
1	Mengucap dua kalimah Syahadah
2.	Solat lima waktu
3.	Berpuasa di bulan Ramadhan
4.	Membayar Zakat
5.	Mengerjakan haji bagi yang mampu

Jadual 4 : Rukun Iman

Bil	Rukun Iman
1	Percaya kepada Allah SWT.
2.	Percaya kepada malaikat
3.	Percaya kepada kitab-kitab Allah
4.	Percaya kepada Nabi dan Rasul
5.	Percaya kepada hari kiamat
6.	Percaya kepada Qada' dan Qadar

Dengan mempelajari ilmu akidah Islamiah yang sangat penting, golongan mualaf ini dapat memahami bahawa semua amal pekerjaan yang dilakukan tidak akan diterima oleh Allah S.W.T. melainkan amalan yang dilaksanakan tersebut berlandaskan akidah Islamiah yang sebenar. Setelah mempelajari ilmu-ilmu akidah, golongan mualaf haruslah mempraktikkan semua yang mereka pelajari. Supaya ilmu yang mereka pelajari tidak akan sia-sia.

Selain akidah, mualaf juga mempelajari syariah yang berisi tentang amalan-amalan yang harus dilakukan oleh seorang muslim. Saudara baru ini akan mempelajari ilmu fiqh ibadah supaya ketika mereka melakukan ibadah seperti solat mereka haruslah dalam keadaan suci dan bersih daripada najis. Ilmu fiqh juga merangkumi tata cara mengambil air sembahyang, bersuci, bertayammum dan pelaksanaan salat. Secara bahasa perkataan fiqh adalah *al-*

*ilm*, yang bermaksud pemahaman. Jadi fiqh dapat diartikan ilmu yang mendalam. Manakala secara istilah fiqh adalah ilmu yang menjelaskan tentang hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan-perbuatan para *mukalaf* (orang yang bertanggungjawab) yang dikeluarkan dari dalil-dalilnya yang terperinci. (Amir A.S.,2019)

Dari sumber buku Fiqh Ibadah menyebutkan ada beberapa tahap asas yang perlu kita ketahui. Tahap pertama merangkumi perkara yang berkaitan dengan puasa dan zakat. Tahap kedua pula, merangkumi solat Jumaat, solat berjemaah, solat Hari Raya, Qasar & Jamak dan Solat Jenazah. Manakala Tahap Tiga merangkumi perkara-perkara berhubung dengan Haji dan Umrah. Dengan mempelajari ilmu fiqh kita dapat mengetahui pengertian bersuci, istinjak, mengambil air sembahyang dan tayammum serta dapat melaksanakan dalam kehidupan seharian. Selain itu, kita tahu cara-cara mandi junub, solat serta dapat melakukan ibadah Solat dengan betul dan sempurna. Selain itu, golongan mualaf perlu memahami pengertian puasa dan zakat serta mempraktikkannya dalam kehidupan mereka. Disini kita mengetahui ilmu fiqh dapat merangkumi dari pelbagai aspek (Mahmud Mohamad Babeli, 2002).

Setelah para mualaf diajarkan tentang pengetahuan tentang akidah, iman dan juga syariah yang merangkumi pembelajaran fiqh ibadah, diharapkan mereka dapat melakukan ibadah dan amalan-amalan sesuai yang diajarkan oleh Islam. Selain itu, para mualaf juga akan diajarkan mengenai akhlak seorang muslim. Akhlak merupakan sifat yang tertanam di dalam diri yang dapat

mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa pemikiran, penelitian dan paksaan. Ibn Miskawaih, ahli falsafah Islam yang terkenal mentakrifkan akhlak itu sebagai keadaan jiwa yang mendorong ke arah melahirkan perbuatan tanpa pemikiran dan penelitian.

Menurut Imam Ghazali RA mengatakan: akhlak ialah suatu keadaan yang tertanam di dalam jiwa yang menampilkan perbuatan-perbuatan dengan senang tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian. Apabila perbuatan yang terkeluar itu baik dan terpuji menurut syara dan aqal, perbuatan itu dinamakan akhlak yang mulia. Sebaliknya apabila terkeluar perbuatan yang buruk, ia dinamakan akhlak yang buruk.

Pada dasarnya fungsi akhlak ialah mengkaji dan meneliti aspek perilaku dan perbuatan manusia. Ia menilai dari segi baik atau buruknya perbuatan itu, apa yang patut dan apa yang tidak patut dilakukan oleh seseorang. Semua yang berlaku pada manusia bersifat tidak iradi (bukan dengan ikhtiar) seperti pernafasan, detik jantung dan sebagainya tidak termasuk dalam skop ilmu akhlak. Jadi tidaklah boleh diberi nilai atau hukuman ke atas perkara ini sebagai baik atau buruk.

Bagi seorang Muslim, akhlak yang terbaik ialah seperti yang terdapat pada diri Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam kerana sifat-sifat dan perangai yang terdapat pada dirinya adalah sifat-sifat yang terpuji dan merupakan teladan yang baik. Iaitu contoh tauladan terbaik bagi seluruh kaum Muslimin. Allah subhaanahu wa taaala sendiri memuji akhlak Nabi Muhammad

sallallahu alaihi wasallam di dalam Al-Quran sebagaimana firmanNya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

*“Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) benar-benar berakhhlak agung.”* (Surah Al-Qalam:4)

Setiap mualaf terutama mualaf dari Bangsa China diharapkan dapat memiliki akhlak mulia seperti yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW. Ini kerana dasar akhlak Islamiyyah yang terkandung di dalam risalah yang dibawa oleh Rasulullah SAW itu bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah yang dimanifestasikan oleh perbuatan dan cara hidup Rasulullah SAW sendiri. Perilaku dan cara hidup Rasulullah itu menjadi ikutan dan contoh tauladan untuk kesempurnaan hidup manusia baik jasmani maupun rohani. Untuk mencapai tahap kesempurnaan peribadi yang mulia itu, Allah telah membekalkan manusia dengan persediaan semulajadi iaitu dengan berbagai-bagai naluri dan akal fikiran serta dihiasi pula dengan berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang boleh menjadi pedoman hidup demi kepentingan membina tamadun di muka bumi ini.

### **Pembelajaran Iqra dan al-Quran di MACMA**

Sebagai seorang mualaf yang baru mengenali Islam, mereka juga harus mempelajari al-Quran, kerana al-Quran merupakan kitab suci serta panduan hidup umat Islam. Al-Quran adalah kitab suci umat Islam yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW melalui

perantaraan malaikat Jibril dengan secara mutawatir dan beransur-ansur selama 23 tahun dengan menggunakan Bahasa Arab. Dan membaca satu huruf daripada al-Quran adalah satu ibadah. Isi kandungan al-Quran ini menyeluruh menyentuh semua aspek kehidupan manusia yang meliputi akidah, syariah, akhlak serta berisi kisah-kisah para nabi dan rasul (Razaleigh, 2014)

Untuk itulah semua umat Islam wajib mempelajari al-Quran, terutama bagi mualaf yang baru mengenali Islam. Sebelum mempelajari al-Quran biasanya mualaf akan diperkenalkan dan ajarkan terlebih dahulu dengan Iqra iaitu buku panduan pembelajaran awal mengenal huruf dan cara membaca al-Quran. Kaedah Iqra' adalah satu kaedah mempelajari Al-Quran yang terkenal hari ini. Kaedah ini dihimpunkan di dalam 6 jilid buku nipis yang kecil untuk mereka yang mahu belajar Al-Quran. Kaedah Iqra ini amat mesra kanak-kanak juga orang dewasa. Hal ini dapat memudahkan para mualaf khususnya China mualaf untuk mempelajari al-Quran dengan menggunakan panduan buku Iqra terlebih dahulu. Buku Iqra ini mudah di fahami dan senang di bawa ke mana-mana untuk ulangkaji kerana bukunya nipis.

Pembelajaran al-Quran dengan menggunakan kaedah Iqra ini memiliki beberapa keistimewaan, di antaranya adalah:

1. Bacaan langsung: dalam pembelajaran ini, pembaca terus mengenal bunyi mengikut tanda bacaan dan tidak diperkenalkan kepada huruf hijayyah secara langsung, ini membuatkan mereka membaca lebih cepat dan lancar apabila naik Al-Quran.

2. Penggunaan teks tertentu: Setiap jilid telah diasingkan mengikut tahap mudah baca kepada 6 buku yang berasingan. Buku-buku ini telah direka khas dengan kulit yang berbeza warna untuk menarik minat si pembaca.
3. Teknik dorongan dan pujian: Iqra ini dijadikan mudah agar ia senang difahami dan pembaca Al-Quran menjadi yakin untuk belajar dari hari ke hari. Setiap muka surat diatur mengikut tahap mudah, agar semua orang dapat melepasinya dan layak mendapat pujian setiap kali mereka membaca.
4. *Talaqqi Musyafahah*: Iqra' ini telah memecahkan huruf demi huruf untuk dipelajari. Ini mengukuhkan lagi bacaan, kerana guru mengaji cenderung untuk fokus mengajar setiap *makhraj* (cara sebutan bagi setiap huruf Alquran) dengan betul apabila menggunakan kaedah iqra' ini.

Dan banyak lagi keistimewaan kaedah Iqra ini bagi memudahkan mualaf mempelajari al-Quran. Apabila mualaf tersebut telah tamat atau menyelesaikan buku Iqra jilid 6, maka mereka sudah boleh bertukat kepada al-Quran. Ustaz atau ustazah akan sentiasa menyemak bacaan Iqra dan al-Quran serta membetulkan apabila terdapat kesilapan dalam bacaan.

Di Macma Negeri Johor, kelas Iqra dan al-Quran ini dijalankan seminggu tiga (3) kali iaitu setiap selesai kelas asas (Akidah, Syariah, akhlak). Mualaf ini akan diajarkan mula-mula dengan Iqra dan seterusnya al-Quran. Tenaga pengajar harus banyak bersabar dalam mengajar mualaf terutama mualaf yang sudah berumur, ini kerana tahap kemampuan mereka untuk menyebut

satu-satu huruf hijaiyah bukan mudah dan perlu berulang kali dibetulkan supaya boleh mencapai tahap yang diinginkan. Biasanya ustaz atau ustazah akan menyemak bacaan satu persatu dan membetulkan bacaan tersebut.

Apabila para mualaf ini sudah boleh membaca al-Quran dengan mengikut tajwid, pihak Macma akan menambahkan pembelajaran tafsir al-Quran, supaya mualaf ini bukan sekadar boleh membaca al-Quran namun dapat mengetahui, mengerti, memahami dan mengamalkan ajaran Islam yang banyak terkandung dalam al-Quran. Pembelajaran tafsir al-Quran biasanya dijalankan satu minggu sekali selama 1 jam bersamaan dengan pembelajaran al-Quran.

Selain belajar asas Islam, asas fardhu Ain dan al-Quran, pihak Macma juga mengadakan kelas agama tambahan seperti kelas Jawi, penulisan Khat, kelas Bahasa mandarin, kelas Bahasa Arab dan sebagainya. Ini merupakan satu aktiviti yang sangat bermanfaat bagi para mualaf untuk lebih mengukuhkan keimanan dan keislaman mereka. Pihak Macma juga mengajak kepada semua mualaf khususnya bangsa China untuk ikut meraikan Tahun Baru China, supaya mereka dapat memahami bahawa meskipun telah beragama Islam namun budaya China yang tidak bertentangan dengan Islam masih boleh dijalankan. Mereka juga diajarkan tentang halal dan haram supaya tahu bahawa barang-barang haram yang mungkin dahulu pernah mereka makan dan minum sekarang harus ditinggalkan kerana ia bertentangan dengan ajaran agama baru mereka iaitu Islam.

Di musim pandemic Covid 19 ini bimbingan agama Islam di seluruh Negara khususnya di Negeri Johor dilaksanakan secara dalam talian atau *online*. Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) juga mengambil satu inisiatif mengadakan kelas bimbingan agama Islam seperti kelas fardhu Ain dan kelas mengaji serta Tadarus al-Quran secara dalam talian menggunakan platform “*Google Meet*” susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau *lock down*. Meskipun aktiviti ini dijalankan secara *online*, secara tidak langsung iaanya dapat mengukuhkan ukhwah antara mereka, apalagi selama PKP kita tidak dibenarkan untuk keluar rumah.

Beberapa aktiviti keagamaan yang telah dilaksanakan oleh Macma Negeri Johor adalah sebagai berikut:

Jadual 5 : Aktiviti Agama Macma Negeri Johor

Aktiviti	Tahun
Penghayatan Islam ( Bahasa Mandarin )	2017
Seminar penghayatan Islam	2018
Seminar penghayatan Islam (bahasa mandarin)	2019
Islamic talk	2017
Program Apa itu halal	2017
Program Buka puasa bersama non-muslim di masjid	2019
Program sambutan minggu keharmonian	2017
Program Tamu Muhibah tahun baru China	2018
Majlis ramah mesra di rumah kebajikan	2019
Kem bahasa dan budaya gabungan 8 sekolah ( 6 sekolah China, 1 sekolah	2019

agama, 1 international school )	
Food Bank, Inspirasi kasih YAPIEM	2021
Program ziarah rumah orang China	2020
Program sambutan hari raya haji / kurban	2019
Seminar penghayatan Islam saudara kita (bahasa mandarin)	2014
Kursus penghayatan Islam saudara baru (bahasa mandarin)	2009
Kursus ke-2	2006
Kursus ke-4 di Desaru (kelas praktikal wudu', solat dan mandi wajib)	2013
Kursus ke-5 di hotel selesa	2015

Selain itu, baru-baru juga telah dilancarkan Platform dalam talian iaitu “BeDaie” untuk memperluaskan pengajian kitab secara digital bagi membantu mualaf mendalami Islam. Terutama mualaf bangsa China. Menurut pengasas BeDaie, Muhammad Amar Mirza Ab Kadir Jailani (2021) bahawa platform BeDaie dapat membantu mualaf untuk menjawab pelbagai persoalan dan kemosyikilan mereka berkaitan masalah agama dengan penyertaan ratusan ilmuwan agama dari pelbagai negara.

Menurut beliau, bagi fasa pertama pihaknya mensasarkan 3,000 mualaf dari seluruh Malaysia akan menyertai platfrom BeDaie, namun memerlukan dana tajaan RM250 bagi setiap seorang mualaf dengan kos keseluruhan RM750,000 untuk membantu mereka mendapatkan pengajian agama berbentuk digital secara tersusun. Tajaan ini bagi memberi peluang kepada mualaf untuk meneruskan pembelajaran mereka di dalam platform BeDaie dan tempoh

pengajian mereka antara setahun hingga dua tahun. BeDaie juga menyediakan modul khas untuk mualaf mempelajarinya supaya dapat mendekatkan diri kepada pengajian kitab seperti tauhid, akhlak, fiqh, dan tasawuf yang disediakan dalam lima bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Mandarin dan Urdu. BeDaie adalah projek pertama di Malaysia yang menggabungkan lapan negara termasuk Indonesia, Singapura, Thailand (Wilayah Pattani), China, India, Yaman, Afrika dan Sri Lanka dalam satu platform untuk berkongsi ilmu dalam pembelajaran agama mengikut kepakaran masing-masing.

Demikianlah dapatkan awal daripada kajian mengenai pelaksanaan bimbingan agama Islam untuk mualaf Bangsa China (MACMA) yang berada di Negeri Johor. Semoga dapat memberikan pengetahuan dan manfaat bagi semua pihak terutama mualaf yang baru masuk Islam dan mengenali Islam.

## PENUTUP

Pelaksanaan bimbingan agama Islam sangat penting bagi membekali mualaf dengan asas-asas Islam yang menjadi panduan hidup mereka. Kelas fardhu ain serta al-Quran dapat membantu mereka mempelajari hukum hakam dalam Islam serta amalan-amalan sebagai seorang muslim yang tentunya berbeza dengan amalan agama yang mereka anuti sebelum Islam. Kelas bimbingan agama ini adalah untuk memberi kefahaman Islam sebagai satu jalan kehidupan agar golongan Muallaf tidak ketinggalan dalam bidang keilmuan. Selain itu, kelas bimbingan agama ini bertujuan untuk memberi motivasi kepada

golongan Muallaf ke arah memantapkan penghayatan mereka terhadap ajaran Islam. Kelas bimbingan ini juga sebagai satu pusat pertemuan dan sumber ilmu bagi semua golongan Muallaf. Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa pengisian program agama kepada golongan Muallaf adalah satu faktor yang diandaikan dapat menyumbang kepada perkembangan kognitif, emosi, tingkah laku, dan rohani golongan Muallaf dalam agama.

## DAFTAR PUSTAKA

- Abdul Aziz Ismail (1995). *Hakikat Persaudaraan dalam Islam*, Al-Hidayah Publisher : Kuala Lumpur.
- Abdul Ghafar, Berhanundin Abdullah, Zulkefli Abd. Ghani. (2007). *Dakwah & pengurusan Islam di Malaysia*. Bangi, UKM
- Ahmad Redzuwan, Salasiah Hanin, Abdul Ghafar, Othman. (2010). *Dakwah Multi Etnik*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.
- As-Sidqi, A. (2020, May 4). *Rukun Iman: Senarai Dan Huraian*. Media Islamik. <https://mediaIslamik.com/rukun-iman-senarai-dan-huraian/>
- Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Fathiyah Fakruddin & Noreha Che Abah. (2019). Aplikasi ‘Urf dalam Amalan adat dan budaya saudara baharu di Malaysia; Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*. Volume 2 (5), 65-77.
- Che Yusoff Che Mamat, Syamsul Bahri Andi Galigo. (1997). *Dinamik dakwah dalam masyarakat*. Ukm, fakulti pengajian Islam dakwah dan kepimpinan.
- Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Hj. Tibek, Othman Hj. Talib. (2006). *Dakwah Dan Kaunseling Di Malaysia*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faisal Hj Othman.(1994). *Isu-isu pengurusan Saudara Muslim*. UKM, Bangi.
- Karman. (2004). *Pendidikan Agama Islam*. Bandung: PT. REMAJA ROSDAKARYA.
- LOGO – MACMA. (2020). MACMA. <http://macma.my/main/index.php/logo/>
- VISION & MISSION – MACMA. (2020). MACMA. <http://macma.my/main/index.php/vision-mission/>
- Mahmud Mohamad Babeli. (2002) *Persaudaraan Islam dan Pembangunan Sosial*, terj. Abdul Karim Mustafa , yayasan dakwah Islamiah Malaysia : Kuala Lumpur.
- Marlon P. Guleng, Razaleigh Muhamat@Kawangit & Abu Dardaa Mohamad. (2014). Penyesuaian Diri Mualaf Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). *Jurnal al-Hikmah*, Vol 6, 78-93.
- Muhammad Amar Mirza Ab Kadir Jailani. (2021). BeDaie bantu 3,000 mualaf dalam pengajian Islam. <https://www.sinarharian.com.my/article/167758/EDISI/BeDaie-bantu-3000-mualaf-dalam-pengajian-Islam>

- Ramli Awang. (2003) *Islam Alternatif perpaduan sejagat*, Universiti Teknologi Malaysia : Skudai, Johor.
- Rabi' Bin Hadi Al Madkhali. (1992). *Manhaj Da'wah Para Nabi*. Gema Insani Press. Kuwait, Daar As Salafiyyah
- Razaleigh Muhamat @Kawangit & Marlon Pontino Guleng. (2014). Respon Muallaf terhadap Pendidikan dan Latihan Amali yang dilaksanakan oleh Institut Dakwah Islamiah PERKIM, Kota Bahru Kelantan. Dlm. Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raudlotul Firdaus. (2019). *Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia*. <https://www.hmetro.com.my/addition/2019/01/413093/sejarah-masyarakat-cina-muslim>
- Siti Adibah (2018). *Undang-Undang Pemelukian Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Tan Chee Beng (1991). *Chinese Identity in Malaysia*. Southeast Asians Journal of Social Science. Volume 25 Number 2.